

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian ini meninjau hubungan di antara strategi soal-jawab dengan lakuan bahasa dari sudut pragmatik. Dalam bab ini, beberapa konsep penting yang berhubung kait dengan skop penyelidikan iaitu komunikasi bahasa dalam konteks tanya-jawab di bilik darjah dijelaskan terlebih dahulu. Seterusnya dibincangkan kajian-kajian lepas mengenai konsep pertanyaan berdasarkan teori LB dan pengaplikasian tanya-jawab dalam bilik darjah secara umum. Walaupun sorotan kajian dalam bab ini mempunyai penekanan tersendiri yang berbeza-beza, kesemua sorotan di sini dilihat berhubungkait dengan permasalahan yang ingin dikaji oleh penyelidik dan dapat memanfaatkan kajian ini dari pelbagai aspek.

2.2 Konsep-konsep Berkaitan

2.2.1 Strategi Tanya-jawab Dari Perspektif Pragmatik

Pragmatik boleh ditakrif secara mudah iaitu bagaimana bahasa digunakan berkomunikasi dan bukannya bagaimana cara sesuatu bahasa itu distrukturkan dalam bentuk nahuan. Menurut Zamzani (2007:16), kajian komunikasi bahasa yang berciri pragmatik terarah pada permasalahan penggunaan bahasa dalam suatu masyarakat bahasa, mengungkap bagaimana perlakuan berbahasa suatu masyarakat bahasa bersosialisasi. Dengan demikian, proses penggunaan bahasa yang sering melibatkan komponen tanya-jawab boleh diperihalkan sebagai satu proses pemilihan dalam makna bahasa dan gaya bahasa yang digunakan untuk bertanya atau menjawab sesuatu agar mencapai matlamat komunikasi yang diniatkan oleh penutur, iaitu strategi tanya-jawab dipraktikkan berlandaskan konteks.

Pengguna bahasa yang berketerampilan pragmatik berupaya memahami maksud sebenar yang tersirat dalam sesuatu pertanyaan tetapi bukan maksud literal pada struktur ayat interogatif tersebut. Sebagai contoh, penutur mengujarkan ayat “Boleh saya tanya pukul berapa sekarang?” dengan intonasi yang menaik. Sekali imbas jelas bentuk ayat itu ialah pertanyaan, kerana intonasi menaik menandakan ciri sesuatu pertanyaan. Namun fungsi ujaran tersebut sebenarnya satu permintaan, iaitu penutur mengemukakan permintaannya melalui strategi pertanyaan secara bersopan. Sekiranya pendengar memberi jawapan “boleh” bagi pertanyaan tersebut, jawapannya kelihatan betul dari segi bentuk ayat tetapi tidak sesuai dengan fungsi permintaan berkenaan. Dalam situasi ini, pendengar seharusnya menjawab dengan memberitahu waktu sebenar masa itu.

Daripada huraian di atas, jelas memperlihatkan bahawa jawapan yang betul kepada sesuatu soalan itu tidak selalunya sesuai dengan matlamat komunikasi yang diniatkan oleh penutur. Maka kita perlu berkemahiran menyesuaikan diri dalam soal pertanyaan atau memberi respons yang sesuai mengikut variasi lakuan bahasa yang terkandung secara tersurat ataupun tersirat dalam sesuatu ujaran.

2.2.2 Interaksi Bilik Darjah

Flanders (1970, dirujuk dalam Boon dan Joginder Singh, 1998) telah memperkenalkan sepuluh kategori percakapan yang sering berlaku di dalam interaksi bilik darjah. Jadual 2.1 menunjukkan penganalisan interaksi bilik darjah mengikut sistem Flanders (1970):

Jadual 2.1 Interaksi Bilik Darjah

Jenis interaksi		Teknik dan Ciri-ciri
Percakapan pensyarah	Pengaruh tidak langsung	1. Menerima perasaan pelajar 2. Memberikan dorongan kepada pelajar 3. Menerima idea pelajar 4. Bertanya soalan dengan tujuan pelajar menjawab
Percakapan pensyarah	Pengaruh secara langsung	5. Bersyarah: mengemukakan fakta 6. Memberi arahan 7. Mengkritik atau menerangkan tindakan yang diambilnya
Percakapan pelajar		8. Maklum balas pelajar atas inisiatif sendiri 9. Respons pelajar kepada inisiatif pensyarah
Kesenyapan		10. Berhenti sekejap

(Jadual ini disesuaikan berdasarkan huraian Boon dan Joginder Singh (1998:91))

Menurut Flanders (1970, dirujuk dalam Boon dan Joginder Singh, 1998), percakapan pensyarah berbentuk dominatif boleh digolongkan sebagai gaya percakapan ‘pengaruh langsung’. Contohnya, pensyarah yang sering mengkritik atau kerap memberi arahan lazimnya menjadi pelajar-pelajar berasa terkejut, pasif dan mula menarik diri. Susulan daripada itu, suasana bilik darjah menjadi tegang dan ini akan menjejaskan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Sebaliknya, percakapan pensyarah yang mendorong ciri integrasi digolongkan sebagai ‘pengaruh tidak langsung’. Misalnya pensyarah yang bertanya soalan, memuji, menerima perasaan pelajar serta mendorong penglibatan pelajar akan membuat pelajar berasa selesa serta ingin mengambil bahagian dalam aktiviti pengajaran-pembelajaran. Mereka akan menjadi aktif, sedia memberi pandangan, atau bertukar-tukar pendapat dengan pensyarah dan pelajar lain. Dalam keadaan sedemikian, suasana bilik darjah

menjadi mesra dan tenang, pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih bermakna dan menyeronokkan.

Ee (2003:371) menjelaskan konsep interaksi berbahasa bermakna pertukaran percakapan antara individu. Menurut beliau, aktiviti-aktiviti di dalam bilik darjah jelas akan mewujudkan interaksi antara pelajar dengan pelajar dan antara pengajar dengan pelajar. Dalam interaksi bilik darjah yang berbentuk pelbagai hala, pengajar menjadi salah seorang peserta dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan pemerhatian di atas, aktiviti tanya-jawab dalam sesi pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu komponen penting untuk mewujudkan interaksi bilik darjah yang kondusif, mendorong dan merangsangkan pelajar. Ini kerana aktiviti tanya-jawab meliputi percakapan pensyarah yang bertanya soalan dan percakapan pelajar yang menjawab soalan; ataupun pelajar mengemukakan pertanyaan kepada pensyarah ataupun antara satu sama lain atas inisiatif sendiri. Dengan demikian, hubungan yang erat dapat dibentuk dan dijalin di antara pensyarah dengan pelajar ataupun sesama pelajar sendiri.

2.2.3 Bertanya

Dalam kajian ini, strategi bertanya dalam konteks percakapan kelas diperhatikan. Ini kerana tanya-jawab merupakan suatu pendekatan yang lazim digunakan dalam interaksi bilik darjah. Menurut Abdullah dan Ainon (1999:27-28), kepentingan bertanya adalah sama penting seperti kemahiran bercakap dan kemahiran mendengar di dalam komunikasi. Kita sepatutnya diajar cara-cara yang betul untuk bertanya. Kemahiran bertanya mendorong kita mencapai matlamat komunikasi dengan lebih mudah; ia juga

membantu pendengar berfikir dengan lebih jelas. Malahan ia dapat memupuk semangat saling faham-memahami, bekerjasama dan rasa seia sekata.

Ada beberapa prinsip penting yang perlu diketahui semasa menggunakan kaedah bertanya. Antaranya, soalan mesti bermaksud jelas dan tidak berbelit-belit. Pensyarah harus mencungkil jawapan daripada pelajar yang tidak mampu memberi respons kepada soalan yang ditanya. Pensyarah harus mengelak daripada mengulang-ulang soalan atau jawapan pelajar, malahan elak daripada menjawab soalan sendiri (Rohizani Yaakub et al., 2003). Jadual 2.2 menyenaraikan tujuan pertanyaan mengikut peringkat pengajaran yang disarankan oleh Paintal (1980).

Jadual 2.2 Tujuan Pertanyaan

Peringkat	Tujuan Pertanyaan
Pengenalan	Membantu set induksi Mengetahui apa yang pelajar tahu Mengulang pelajaran lepas Mengemukakan masalah yang berkaitan dengan topik pengajaran
Penyampaian	Mengekalkan minat dan tumpuan pelajar Menggalakkan penaakulan dan pemikiran logik Mengetahui setakat mana kefahaman pelajar
Aplikasi	Fokus dan penjelasan Menghilangkan kesukaran Memimpin pelajar membuat pemerhatian dan inferen
Penutup	Mengulang isi utama Menguji kefahaman pelajar Mencadangkan masalah dan isu berkaitan

(Jadual ini disesuaikan berdasarkan huraian Rohizani Yaakub et al. (2003:168))

Kenyataan Paintal (1980), Abdullah dan Ainon (1999) dan Rohizani Yaakub et al. (2003) yang menerangkan tujuan pertanyaan, prinsip pertanyaan dan kepentingan kemahiran bertanya memang benar dan amat sesuai sebagai pedoman semasa mengelolakan aktiviti tanya-jawab di bilik darjah agar kesemua peserta dapat berkomunikasi secara berkesan.

2.2.4 Sistem Ayat Tanya

Dalam menghuraikan tentang sistem ayat tanya dari sudut nahuan, Asmah (2008) mengatakan bahawa:

“Sebagai anggota dalam modus tunjukan atau indikatif, ayat tanya memberi kesan bahawa akan ada jawapan, sungguhpun jawapan tidak wajib. Jawapan bermakna gerak balas dalam bentuk bahasa... Jika ayat penyata menunjukkan intonasi dengan nada menurun pada akhir ayat, maka dalam ayat tanya nada pada akhir ayat itu meninggi sedikit.”

(m.s.205)

Asmah (2008:28-29) juga berpandangan bahawa berdasarkan jenis jawapan, ayat tanya boleh dimasukkan ke dalam dua subsistem, iaitu ayat tanya tertutup dan ayat tanya terbuka.

2.2.4.1 Ayat Tanya Tertutup

Ayat tanya tertutup boleh terdiri daripada struktur penuh atau struktur minimal (disebut juga ayat tanya tempelan). Ayat tanya tertutup ini memerlukan jawapan *ya* atau *tidak*.

Bagi ayat tanya tertutup dengan struktur penuh, kata tanya *adakah* digunakan dalam keadaan formal. Sedangkan partikel *-kah* digunakan pada kata atau frasa yang hendak ditegaskan. Namun begitu, ada kalanya partikel ini hilang baik dalam bahasa bersahaja mahupun bahasa tak bersahaja. Dalam bahasa bersahaja, *-kah* juga diwujudkan sebagai *-ke* dalam ayat tanya. Dengan ketiadaan *-kah* itu, ayat tanya berkenaan tidak mempunyai ciri penegasan pada sebarang unsurnya. Ayat tanya tempelan pula terdiri daripada struktur ayat dasar yang ditempelkan dengan kata *tidak*, *bukan*, atau *ya* dalam penggunaan yang tidak begitu formal. Contoh ayat tanya tempelan adalah seperti: *Kau lapar tak? Rumah itu cantik, kan? Esok hari Sabtu ya?*

2.2.4.2 Ayat Tanya Terbuka

Asmah (2008) menjelaskan bahawa ayat tanya terbuka merupakan ayat tanya yang jawapannya pelbagai. Jawapan-jawapan itu boleh dimasukkan ke dalam dua golongan:

- i. kata atau frasa nama, endosentrik dan eksosentrik
- ii. kata, frasa atau klausa adverba

Ayat tanya yang memerlukan jawapan nama disebut pertanyaan nama, sedangkan yang memerlukan jawapan adverba diberi nama pertanyaan adverba. Ayat tanya yang tergolong dalam pertanyaan nama menggunakan ganti nama tanya seperti: *apa, siapa, yang mana, berapa*. Pertanyaan dalam subsistem pertanyaan adverba menggunakan kata atau frasa tanya yang boleh digolongkan sebagai kata/ frasa tanya adverba, seperti: *di mana, bila, mengapa, bagaimana, dengan apa, untuk siapa*. Dan jawapannya memasuki subsistem adverba yang sama.

2.2.5 Fungsi-fungsi Pertanyaan

Berdasarkan penerangan Abdullah dan Ainon (1999:28), 'bertanya' tidak serupa dengan 'menyoal'. Pada pendapat mereka, dialog yang bersifat menyoal mempersoalkan diri, perbuatan, kebijaksanaan dan sikap orang yang disoal, ia akan menyebabkan orang yang disoal menjadi defensif. Oleh demikian, kita harus memahami fungsi bertanya dan menguasai kemahiran mencari isi pertanyaan yang tepat, bahkan mengemukakan pertanyaan dalam bentuk yang betul dan berkesan.

Menurut Abdullah dan Ainon (1999:30-33), terdapat sepuluh kategori pertanyaan berdasarkan fungsi-fungsi pertanyaan itu:

- i. Pertanyaan untuk mendapatkan fakta.

Contoh: "*Bilakah barang-barang itu akan sampai?*"

ii. Pertanyaan untuk mengetahui perasaan.

Contoh: “*Apa yang membuat kamu selalu risau?*”

iii. Pertanyaan untuk memperjelaskan maksud.

Contoh: “*Yang kamu maksudkan tadi membeli atau menyewa?*”

iv. Pertanyaan untuk meluas dan mengembangkan perbincangan.

Pertanyaan jenis ini dapat membantu kita mencari maklumat-maklumat tambahan, membuat huraian-huraian yang lebih terperinci dan mengambil kira sudut-sudut pandangan yang berbeza.

Contoh: “*Ada atau tidak pandangan-pandangan lain yang berbeza?*”

v. Pertanyaan yang meminta.

Contoh: “*Adakah kita perlukan lebih wang atau apa?*”

vi. Pertanyaan berandaian.

Misalnya, “*Bila kita boleh berjumpa lagi?*” ialah pertanyaan yang mengandungi andaian kita sudah setuju akan berjumpa, cuma tarikhnya belum ditentukan lagi.

vii. Pertanyaan yang mengandungi arahan.

Contoh: “*Dapatkah kerja ini kamu siapkan dalam masa dua hari?*”

viii. Pertanyaan yang menguji.

Pertanyaan jenis ini cuba mengukur perasaan, sikap atau pendirian orang yang ditanya.

Contoh: “*Tidakkah kamu bimbang kalau nanti saya tidak dapat menerima cadangan kamu itu?*”

ix. Pertanyaan sebagai gema.

Pertanyaan jenis ini mengulang kata kunci yang disebut oleh orang yang ditanya.

Contoh: “*Bagi saya, biar saya jadi **bodoh**, asal hati saya bahagia.*”

“*Biar jadi **bodoh**?*”

x. Pertanyaan pihak ketiga.

Pertanyaan jenis ini mengandung kenyataan dan pertanyaan. Contoh: “*Kawan baik kamu bercerita kamu pernah melancong ke Amerika selama seminggu. Betulkah?*”

Berdasarkan penelitian di atas, kebanyakan fungsi pertanyaan yang dikemukakan oleh Abdullah dan Ainon (1999) memang adalah relevan dan dipersetujui oleh penyelidik. Namun terdapat sedikit kekurangan di mana kedua-dua orang sarjana tidak menyebut tentang fungsi sebenar dalam pertanyaan sebagai gema dan pertanyaan pihak ketiga tetapi setakat menghurai dari segi bentuk rupanya.

2.2.6 Struktur Pertukaran

Pertukaran (*Exchange*) merupakan unit yang paling asas dalam interaksi bilik darjah. Dua atau lebih ujaran membentuk sesuatu pertukaran. Menurut Sinclair dan Coulthard (1975:21-56), secara tipikalnya, pertukaran dalam bilik darjah bermula dengan inisiasi (I) (*Initiation*) oleh pensyarah, diikuti dengan respons (R) (*Response*) daripada pelajar, dan akhirnya dilengkapi dengan maklum balas (F) (*Feedback*) oleh pensyarah terhadap respons pelajar tersebut.

Terdapat satu kelas utama dalam pertukaran, iaitu pertukaran pengajaran. Pertukaran pengajaran merupakan langkah-langkah individu dalam memajukan sesuatu pelajaran. Ia terdiri daripada inisiasi, respons dan maklum balas. Inisiasi adalah satu gerakan yang menjadikan penglibatan orang lain dalam sesuatu pertukaran. Kedua-dua inisiasi dan respons adalah saling berkaitan. Misalan bagi inisiasi yang berfungsi menyampaikan maklumat, respons yang sesuai adalah menerima atau mendengar. Bagi inisiasi yang berfungsi memberi arahan pula, respons yang paling baik iaitu melakukan sesuatu

seperti yang diarahkan. Bagi inisiasi yang berfungsi memperoleh fakta, memberi jawapan adalah respons yang sesuai.

Seperti yang dinyatakan di atas, pertukaran pengajaran dapat dikategorikan mengikut fungsi utama masing-masing iaitu memaklumkan (*informing*), mengarahkan (*directing*), mencungkil (*eliciting*) dan memeriksa (*checking*). Berdasarkan inisiasi pensyarah atau inisiasi pelajar, pertukaran dibahagikan kepada enam jenis yang utama, iaitu:

- i. Pertukaran 'pensyarah memaklumkan'. Ia digunakan semasa pensyarah menyampaikan fakta, pendapat dan maklumat baru kepada pelajar. Pelajar mungkin memberi respons secara verbal terhadap inisiasi pensyarah. Maka struktur ini adalah I (R) tanpa maklum balas.
- ii. Pertukaran 'pensyarah mengarahkan'. Jenis pertukaran ini meliputi semua pertukaran bagi pelajar melakukan sesuatu tanpa bertutur apa-apa. Respons merupakan elemen wajib dalam bilik darjah. Maklum balas bukan elemen asas walaupun ia sering berlaku. Oleh demikian, struktur ini diwakili oleh IR(F).
- iii. Pertukaran 'pensyarah mencungkil'. Jenis pertukaran ini merangkumi semua pertukaran untuk memperoleh sumbangan secara verbal daripada pelajar. Pensyarah sering menggunakan satu siri pertukaran mencungkil ini untuk memajukan kelas ke kesimpulan secara berperingkat. Struktur pencungkilan ini diwakili dengan IRF di mana maklum balas merupakan elemen wajib.
- iv. Pertukaran 'pelajar mencungkil'. Ia berbeza dengan pertukaran 'pensyarah mencungkil' di mana pelajar tidak memberikan maklum balas. Ini kerana penilaian pelajar terhadap respons pensyarah dianggap sebagai sesuatu perbuatan yang kurang sopan. Maka struktur ini diwakili dengan IR.

- v. Pertukaran ‘pelajar memaklumkan’. Ia juga berbeza dengan pertukaran ‘pensyarah memaklumkan’. Ini kerana biasanya pelajar akan memperoleh penilaian atau komen daripada pensyarah sebagai maklum balas selepas dia memaklumkan sesuatu maklumat yang dianggap relevan atau menarik. Maka struktur ini diwakili dengan IF.
- vi. Pertukaran ‘memeriksa’ digunakan oleh pensyarah apabila terasa keperluan untuk memeriksa sejauh manakah pelajar-pelajar mengikuti pelajaran itu, termasuk sama ada mereka boleh memahami atau dapat mendengar. Struktur ini diwakili dengan IR(F).

Selain daripada itu, ‘Inisiasi semula (i)’ (*Re-initiation (i)*) digunakan apabila pensyarah tidak mendapat respons daripada pencungkilan. Dengan menggunakan soalan yang sama atau soalan yang disusun semula, pensyarah boleh mulakan inisiasi sekali lagi. ‘Inisiasi semula (ii)’ (*Re-initiation (ii)*) digunakan apabila pensyarah menerima jawapan yang salah daripada pelajar. Pensyarah boleh memilih sama ada mananya soalan yang sama atau membimbing pelajar itu sehingga dia memberi jawapan yang betul; ataupun pensyarah mengekalkan soalan yang sama tetapi beralih kepada pelajar yang lain.

Pertukaran secara ‘menyenarai’ (*Listing*) adalah pensyarah menangguhkan penilaian sehingga memperoleh dua atau tiga jawapan. Ini kerana pensyarah ingin memastikan lebih daripada seorang mengetahui jawapan itu. Manakala pertukaran ‘pengukuhan’ (*Reinforce*) berlaku di mana pensyarah telah mengarahkan kelas untuk melakukan sesuatu dan terdapat pelajar yang lambat bertindak, enggan mengikut arahan atau tidak memahami arahan dengan sepenuhnya. Akhir sekali, pertukaran ‘ulangan’ (*Repeat*) berlaku dalam satu situasi komunikasi apabila terdapat pihak yang tidak mendengar. Sememangnya pensyarah boleh menggunakan pertukaran ini walaupun pensyarah

sendiri atau pelajar-pelajar lain dapat mendengar, namun pensyarah tetap mahu jawapan itu diulangi atas sebab-sebab tertentu.

Pemahaman konsep tentang struktur pertukaran dalam interaksi bilik darjah memanfaatkan kajian ini dari aspek penyusunan data-data dalam transkripsi. Dengan demikian, segala pertukaran percakapan yang berlaku di antara responden pensyarah dan responden pelajar menjadi jelas dan relevan. Susulan daripada itu, urutan dan hubungan serta fungsi ujaran-ujaran dalam konteks tanya-jawab dapat dikenalpasti dengan lebih mudah dan tepat.

2.3 Kajian-kajian Lepas

2.3.1 Konsep Pertanyaan Berdasarkan Teori Lakuan Bahasa

Kajian Ahmad Mahmood (1998) meninjau konsep pertanyaan dalam wacana berdasarkan teori LB. Ahmad Mahmood (1998) cuba membuktikan ayat-ayat tanya dalam wacana yang dikaji sama ada mendukung maksud pertanyaan sahaja atau maksud-maksud yang lain berdasarkan syarat-syarat kesesuaian dalam teori LB. Menurut beliau, terdapat ahli-ahli bahasa melakukan kajian yang menghuraikan ayat tanya dalam bahasa Melayu.

Namun begitu, kebanyakan kajian mereka hanya melihat struktur ayat tanya berdasarkan nahu yang bebas daripada konteks dan bukan dari sudut analisis wacana. Pada pendapat beliau, kajian ayat tanya dari sudut nahu dan wacana sangat penting untuk melihat maksud sebenar yang didukung oleh sesuatu ayat tanya. Oleh demikian, beliau bermatlamat mengkaji konsep pertanyaan dalam konteks yang lebih luas, iaitu membincangkan urutan tanya-jawab dalam wacana.

Ahmad Mahmood (1998) mendapati bahawa ayat tanya tertutup yang dikaji telah digunakan oleh penutur dengan pelbagai maksud. Menurutnya, pada kebiasaannya pertanyaan merupakan cara penutur untuk mendapatkan maklumat daripada pendengar. Walau bagaimanapun, dalam konteks tertentu, pertanyaan juga dapat berfungsi sebaliknya, iaitu untuk memberikan maklumat. Hal ini terbukti dalam kajiannya yang mana ayat tanya juga mendukung maksud pernyataan dan nasihat.

Sehubungan dengan itu, beliau mendapati bahawa dalam konteks ayat tanya terbuka yang juga berfungsi sebagai permintaan tak langsung, penutur telah menggunakan strategi “pelarian”. “Pelarian” di sini bermaksud penutur sengaja mengujarkannya kerana mahu pendengar mengalihkan tajuk perbualan kepada tajuk yang lain.

Selain itu, beliau turut meneliti aspek pemerolehan jawapan yang berkait rapat dengan ayat tanya. Pada pendapat beliau, kepelbagaian maksud pada bahagian ‘tanya’ dalam urutan tanya-jawab telah mempengaruhi maksud ujaran yang mengikutinya, iaitu pada bahagian ‘jawab’. Bahagian ‘jawab’ dapat mendukung pelbagai pengertian selain mendukung maksud jawapan, bergantung kepada maksud ujaran sebelumnya.

Hasil kajian Ahmad Mahmood (1998) menunjukkan ayat tanya digunakan bukan sahaja sebagai pertanyaan tetapi sebagai pengungkap pelbagai maksud yang lain seperti permintaan, pernyataan, pengesahan, ajakan, nasihat, amaran dan pelarian. Begitu juga dengan respons kepada urutan tanya-jawab, respons itu mendukung pelbagai kemungkinan maksud seperti jawapan, persetujuan, penerimaan, penolakan dan ketidakendahan.

Ahmad Mahmood (1998, 2000) merumuskan bahawa bahasa di samping sebagai alat komunikasi yang utama, ia juga merupakan alat untuk mempersembahkan lakuan bahasa. Ini adalah kerana bahasa mampu digunakan untuk memuji, mengkritik, meluahkan perasaan dan sebagainya dalam menyampaikan maklumat. Oleh demikian, maksud penutur dan pendengar harus diambil kira dalam menentukan maksud sebenar sesuatu bentuk bahasa. Beliau mencadangkan kajian terhadap bahasa Melayu dari segi penggunaannya yang sebenar patut diteruskan untuk mendapatkan maklumat yang sebenar dan lebih realistik.

Kajian Ahmad Mahmood (1998) telah memberi inspirasi dan dorongan kepada penyelidik untuk melakukan satu kajian analisis pragmatik terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam konteks tanya-jawab di bilik darjah. Berdasarkan dapatan kajiannya, penyelidik menemui dua jenis fungsi pertanyaan yang tidak diusulkan oleh Abdullah dan Ainon (1999), iaitu dalam konteks tertentu, pertanyaan boleh juga berfungsi untuk memberikan maklumat atau berfungsi sebagai pelarian.

Oleh kerana skop kajian ini adalah dalam konteks bilik darjah yang mana pensyarah secara tipikalnya berperanan sebagai sumber pengetahuan, maka penyelidik yakin bahawa hasil kajian ini berkemungkinan tinggi sejajar dengan penemuan Ahmad Mahmood (1998), iaitu terdapat lakuan bahasa pertanyaan yang juga berfungsi untuk memberikan maklumat.

Selepas meneliti kajian-kajian lakuan bahasa dalam negara dan juga luar negara, Wan Robiah dan Hamidah (2006) mendapati bahawa kajian khusus yang melibatkan lakuan bahasa pertanyaan adalah agak terhad. Memandangkan konsep pertanyaan mempunyai cakupan yang luas dalam bidang pragmatik, Wan Robiah dan Hamidah (2006) turut

melaksanakan kajian lakuan bahasa dalam sesi kaunseling dengan memfokus kepada tata tertib tanya-jawab berdasarkan syarat kesesuaian Searle (1969).

Sejajar dengan pernyataan Ahmad Mahmood (1998,2000), dapatan kajian Wan Robiah dan Hamidah (2006) juga menunjukkan wujudnya variasi LB dalam lakuan pertanyaan itu sendiri, jenis-jenis lakuan bahasa yang ditemui adalah pengesahan, permintaan, andaian dan ajakan. Walaupun kajian Wan Robiah dan Hamidah lebih menekankan konsep pertanyaan, mereka turut memberi perhatian terhadap jawapan susulan daripada pertanyaan yang diajukan. Menurut mereka, jawapan penting untuk membantu memperjelas maksud pertanyaan dalam konteks.

Sebagai rumusan, mereka bersetuju dengan pendapat Ahmad Mahmood (1998, 2000) bahawa maksud penutur dan pendengar harus diambil kira dalam penentuan maksud sebenar suatu bentuk bahasa kerana bahasa yang realistik ialah bahasa yang digunakan dalam komunikasi seharian.

Kajian Wan Robiah dan Hamidah (2006) telah memberi sumbangan dalam kajian ini. Metodologi penyelidikan mereka merupakan rujukan yang sesuai untuk memantapkan penyelidik melakukan pengelasan dan penghuraian tanya-jawab dengan meneliti konteks penggunaan dalam bilik darjah yang sebenar.

Hasil kajian mereka yang menunjukkan LB pertanyaan lebih dominan daripada LB lain dilihat sesuai dengan bidang kajian mereka kerana matlamat khidmat kaunseling itu sendiri bertujuan meneroka masalah klien. Hal demikian juga boleh berlaku dalam kajian ini, yang mana LB pertanyaan dipersembahkan secara langsung dalam bentuk pertanyaan terbuka. Lazimnya pensyarah akan menggunakan strategi bertanya dalam

pengajaran untuk membimbing para pelajar mengembangkan kemahiran taakulan abstrak dan kebolehan menyelesaikan masalah. Ini kerana kemahiran bertanya penting dalam melakukan penerokaan dan pengembangan kepada perkara yang dibincangkan, seperti yang dinyatakan oleh Abdullah dan Ainon (1999).

2.3.2 Tanya-jawab Dalam Bilik Darjah

Menurut West dan Pearson (1994), kajian para penyelidik terhadap pertukaran percakapan antara pensyarah dengan pelajar dalam konteks bilik darjah masih tidak mencukupi. Mereka memetik ulasan Dillon (1990) bahawa pertanyaan pensyarah mendapat lebih perhatian daripada penyelidik, sebaliknya pertanyaan pelajar jarang dikaji. Oleh itu, kajian mereka menganalisis interaksi antara pensyarah dengan pelajar dalam kelas dengan berfokus pada pertanyaan pelajar.

Kajian West dan Pearson (1994) memperlihatkan kepentingan strategi pertanyaan pensyarah dalam mencetuskan suasana positif yang mendorong pelajar bertanya soalan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Dapatan mereka adalah secocok dengan pernyataan Flanders (1970, dirujuk dalam Boon dan Joginder Singh, 1998) bahawa percakapan pensyarah membawa pengaruh secara langsung kepada percakapan pelajar dalam konteks tanya-jawab di bilik darjah.

Kajian West dan Pearson (1994) juga menunjukkan pertanyaan pelajar sering berkaitan dengan pernyataan, pengesahan dan prosedur bilik darjah. Konteks yang paling nyata bagi pelajar mengemukakan suatu pertanyaan iaitu selepas pensyarah bertanya kepada pelajar sama ada mereka ada soalan atau komen tentang apa yang telah dibincang.

Hasil kajian West dan Pearson (1994) membawa beberapa implikasi kepada pensyarah. Antara tiga yang paling penting, iaitu cara pensyarah mengelolakan tanya-jawab merupakan satu faktor pengaruh kepada pertanyaan pelajar; pensyarah boleh menggunakan pendekatan pemerhatian dan latihan untuk memperbaiki mutu pertanyaan pelajar; respons pensyarah selepas pelajar mengajukan soalan tertentu akan memberikan kesan terhadap pertanyaan pelajar yang seterusnya.

Kajian mereka juga membawa implikasi terhadap kajian ini. Pensyarah yang cenderung kepada kaedah memberi kuliah tetapi jarang mendedahkan pelajar kepada tanya-jawab dalam pengajaran dan pembelajaran akan membentuk interaksi sehalu yang pasif dalam bilik darjah. Akibat daripada itu, pelajar mungkin membentuk persepsi yang salah bahawa tanya-jawab tidak penting dalam pembelajaran mereka. Seterusnya pelajar tidak akan berinisiatif untuk mencungkil pengetahuan tetapi hanya perlu duduk mendengar pensyarah menyampaikan pelajaran sahaja.

Kajian yang dijalankan oleh Nor Shafrin, Rahimi dan Fadzilah (2006) menyelidik tentang interaksi dalam bilik darjah dengan memberi penekanan terhadap tanya-jawab dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa terdapat guru yang kerap mengulangi perkataan 'OK' dan bertanya 'ada masalah?'. Keadaan ini menggambarkan guru berkenaan kurang berkeyakinan dan memerlukan sokongan daripada pelajar. Terdapat guru yang sering menjerit 'faham tak?' untuk mendapatkan tumpuan pelajar. Bahkan ada pula guru yang kerap kali menjerit 'diam' apabila pelajar cuba bertanyakan sesuatu.

Dalam situasi bilik darjah seperti di atas, suasana pengajaran dan pembelajaran dalam kelas pasti terjejas kerana interaksi antara guru dengan pelajar terbatas. Berdasarkan

dapatan kajian, ketiga-tiga pengkaji menyimpulkan bahawa guru perlu menguasai strategi tanya-jawab bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah demi mencapai matlamat pelajaran yang disasarkan.

Rumusan kajian ini adalah sepadan dengan West dan Pearson (1994). Kelima-lima orang sarjana mengakui bahawa mempraktikkan tanya-jawab dalam sesi pengajaran dan pembelajaran harus dilakukan secara teliti, terancang dan betul. Dengan kata lain, pengajar mesti menggunakan strategi tanya-jawab secara berkesan kerana faktor kemahiran berbahasa bertindak sebagai pengaruh utama dalam mewujudkan interaksi bilik darjah yang positif.

Kajian Nor Shafrin, Rahimi dan Fadzilah (2006) yang memperlihatkan hubungan antara strategi tanya-jawab dengan suasana pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah telah memberi sumbangan terhadap kajian ini. Kajian mereka membuktikan peranan lakuan bahasa dalam suatu ujaran. Ujaran sebenarnya berupaya mendedahkan tanggapan, perasaan atau emosi yang tersembunyi dalam hati penutur secara tidak langsung.

Kajian Teo (2006) bertujuan meneliti kepentingan tanya-jawab dalam interaksi bilik darjah. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa guru banyak menggunakan kaedah bertanya untuk mewujudkan interaksi dalam bilik darjah. Guru merupakan orang yang memulakan interaksi dalam bilik darjah dengan cara mengemukakan pertanyaan. Kebanyakan pertanyaan guru memperolehi respons pelajar. Struktur pertuturan yang biasa didapati dalam bilik darjah lebih berbentuk Guru-Pelajar-Guru, iaitu guru bertanya, pelajar menjawab, diikuti dengan maklum balas guru. Teo (2006) merumuskan kajiannya bahawa pendidik yang mengambil inisiatif untuk memperbaiki strategi tanya-

jawab dari semasa ke semasa dan mengamalkan pendekatan yang berpusatkan kepada pelajar dapat mempertingkatkan tahap interaksi dalam bilik darjah.

Dalam kajian Teo (2006), dikemukakan beberapa panduan tentang pempraktikan tanya-jawab dalam bilik darjah. Antaranya, soalan-soalan harus dirancang dan tidak seharusnya berada di peringkat kognitif yang rendah atau hanya menguji ingatan pelajar sahaja. Soalan harus jelas dan mudah difahami. Pelajar harus diberi masa untuk berfikir dan menjawab. Guru juga harus mengelakkan keadaan menjawab sendiri tanpa memberi peluang kepada pelajar untuk menjawab, atau bertanyakan beberapa perkara dalam satu masa yang sama.

Selain itu, pertanyaan pelajar harus disambut dengan baik supaya pelajar berminat untuk mengemukakan pertanyaan yang selanjutnya. Semasa pelajar menjawab, guru harus mendengar jawapan pelajar dengan teliti. Guru seharusnya memberi maklum balas selepas pelajar memberi jawapan. Guru juga harus mengelakkan mengulangi setiap jawapan yang diberi oleh pelajar tetapi hanya mengulang apabila perlu. Segala ini dapat membantu menyakinkan pelajar agar melibatkan diri mereka dalam pembelajaran dengan lebih aktif.

Kajian Teo (2006) membawa implikasi kepada kajian ini dengan menunjukkan kepentingan tanya-jawab dalam mengaktifkan interaksi dalam bilik darjah. Tanya-jawab sesuai dipraktikkan dalam semua peringkat proses pengajaran dan pembelajaran khususnya membantu set induksi, mengekalkan minat dan tumpuan pelajar serta menguji kefahaman pelajar. Dengan kata lain, pempraktikan tanya-jawab secara berkesan dapat mempergiatkan lagi suasana pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Kajian Lin (2002) menyelidik tentang tanya-jawab dalam konteks pengajaran bahasa Inggeris. Dapatan kajian beliau membuktikan tanya-jawab sebagai salah satu pendekatan yang lazim diamalkan dalam interaksi bilik darjah. Pendekatan ini sangat kerap digunakan oleh guru sebagai alat untuk menguji tahap kefahaman pelajar terhadap pelajaran yang disampaikan. Walau bagaimanapun, mempraktikkan tanya-jawab harus mengikut keperluan konteks dan jangan digunakan berlebihan.

Dapatan kajian Lin menunjukkan guru kerap mengulangi soalan dan jawapan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Pengulangan ini jelas menunjukkan kebimbangan guru berkenaan bahawa pelajar tidak dapat memahaminya. Kekhuatiran guru itu juga dapat terasa melalui perubahan peningkatan nada suara semasa beliau mengujar '*Understand?*' dan '*Alright?*'. Sesudah memberi arahan, beliau masih bertanya-tanya sama ada pelajarinya betul-betul memahami arahnya.

Penemuan Lin memanfaatkan kajian ini dari segi memerihalkan penggunaan strategi pengulangan secara tidak betul dan terlampau akan membawa kesan negatif terhadap interaksi dalam bilik darjah yang mana para pelajar akan cepat menjadi bosan dan kurang motivasi dengan gaya pertanyaan guru berkenaan. Dalam hal ini, pensyarah harus berpegang pada prinsip 'elak daripada mengulang-ulang soalan atau jawapan pelajar, malahan elak daripada menjawab soalan sendiri' (Rohizani Yaakub et al., 2003).

Menurut Seman (2006), peranan dan kepentingan interaksi dalam pengajaran dan pembelajaran banyak dijelaskan oleh para sarjana luar negara termasuklah Littlewood (1992), Coates (1994), Tharp dan Gallimore (1994) dan Stenstrom (1994). Tumpuan kajian mereka mencakupi aspek percakapan guru dan percakapan pelajar. Namun begitu,

kajian interaksi dalam pengajaran dan pembelajaran tidak banyak dilakukan oleh pengkaji tempatan. Dengan demikian, Seman (2006) melakukan satu kajian berkenaan dengan interaksi bilik darjah dari sudut penggunaan bahasa Melayu.

Seman (2006) merumuskan bahawa penggunaan strategi tanya-jawab dalam bilik darjah akan mempengaruhi situasi pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan itu, guru lebih cekap dan mahir dalam pemilihan strategi baru. Terdapat guru yang memandang tanya-jawab dalam interaksi bilik darjah sebagai medium pengajaran. Tanpa interaksi verbal ini, pembelajaran tidak akan berlaku. Ini adalah kerana tanya-jawab merupakan alat yang berkesan untuk menyalurkan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar.

Seman (2006) menyelidik struktur ayat yang diujarkan oleh guru dan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian Seman (2005) menunjukkan terdapat hubungan antara bentuk interaksi verbal dengan peringkat-peringkat pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini berkait rapat dengan tujuan interaksi dan strategi yang digunakan oleh guru. Menurut Seman, penggunaan strategi pertanyaan melahirkan bentuk-bentuk interaksi verbal seperti 'soalan-arahan', 'soalan guru', 'soalan pelajar', dan sebagainya.

Dapatan kajian Seman (2006) menunjukkan penggunaan ayat tanya adalah selari dengan tujuan interaksi. Keseluruhan pengajaran dan pembelajaran dikawal oleh guru tetapi penglibatan pelajar boleh ditingkatkan melalui tanya-jawab atau pembentangan. Namun begitu, kebanyakan guru memainkan peranan memulakan soalan dan pelajar akan menjawab apabila diarah oleh guru. Pernyataan ini mencerminkan bahawa interaksi bilik darjah dalam bentuk sehalu.

Tidak dapat dinafikan bahawa kajian Seman (2006) yang bertitik tolak dari sudut penggunaan bahasa Melayu memanfaatkan kajian ini kerana telah memantapkan lagi kepentingan tanya-jawab sebagai alat atau medium pengajaran yang berkesan untuk mewujudkan interaksi bilik darjah secara aktif.

Kajian Zamzani (2007) bertujuan mendeskripsikan perilaku verbal pensyarah dan mahasiswa dalam interaksi pengajaran dan pembelajaran di universiti Indonesia. Penelitian kajiannya memfokus kepada pola interaksi verbal, peranan pensyarah dan mahasiswa. Hasil kajian Zamzani (2007) menunjukkan peranan pensyarah dalam interaksi pengajaran dan pembelajaran adalah sangat dominan. Pensyarah banyak menyampaikan inisiasi yang berupa pertanyaan untuk menerangkan bahan kuliah. Dalam interaksi berkenaan, meskipun pensyarah telah berusaha memberikan motivasi kepada mahasiswa, respons yang diberikan oleh mahasiswa adalah pasif.

Menurut Zamzani (2007), halangan utama yang dihadapi oleh pensyarah untuk meningkatkan niat inisiasi mahasiswa dalam interaksi pengajaran dan pembelajaran adalah persiapan mahasiswa mengikuti kuliah. Pertanyaan pensyarah banyak memperoleh respons bukan verbal daripada mahasiswa. Pola interaksi verbal secara keseluruhan adalah pensyarah-mahasiswa secara bergantian, tetapi kegiatan verbal pensyarah adalah lebih menonjol.

Sebaliknya, pola interaksi mahasiswa-mahasiswa tidak dapat dikesan. Mahasiswa cenderung menghasilkan ujaran pendek-pendek yang hanya terdiri daripada satu atau dua kata. Keadaan ini bererti pensyarah perlu berusaha mengelolakan tanya-jawab dengan cara yang lebih berkesan agar meningkatkan penglibatan mahasiswa dalam interaksi pengajaran dan pembelajaran.

Zamzani (2007) menyatakan bahawa pensyarah dapat meningkatkan fungsi dirinya sebagai pemudahcara, pengantara dalam interaksi bilik darjah. Dalam hal ini, pensyarah perlu menggeser peranan dirinya agar dapat membantu mendorong proses berfikir mahasiswa dan tidak lagi sebagai penyampai maklumat yang dominan. Dengan kata lain, pensyarah boleh menggunakan strategi tanya-jawab yang sesuai untuk merangsangkan pelajar berfikir dengan aktif.

Penemuan Zamzani (2007) bahawa fungsi atau tujuan pertuturan adalah jauh lebih penting daripada bentuk pertuturan dalam mencapai interaksi yang berkesan menerbitkan implikasi yang positif terhadap kajian ini. Dengan demikian, penyelidik lebih bersedia memberi perhatian terhadap ujaran yang dihasilkan oleh para pelajar dalam konteks tanya-jawab agar menemui interaksi pelajar dengan pelajar yang dilihat sebagai tidak kerap dalam konteks bilik darjah.

Greenleaf dan Freedman (2007) melakukan satu kajian tentang pertuturan dalam kelas. Mereka memetik pernyataan Cazden (1986) bahawa bentuk pertuturan boleh mendukung pelbagai makna, iaitu hubungan antara bentuk pertuturan dan fungsi wacana adalah kompleks. Kajian Greenleaf dan Freedman (2007) menunjukkan seorang guru yang mengajar penulisan berjaya membina suatu pelajaran yang bermakna melalui mempraktikkan strategi tanya-jawab secara berkesan.

Dalam kajian Greenleaf dan Freedman (2007), juga dibincangkan tentang struktur pertukaran dalam bilik darjah. Mereka menganalisis peranan sosial dan hubungan antara guru dengan pelajar berdasarkan I-R-F, yakni inisiasi guru (I), respons pelajar (R), dan maklum balas (*feedback*) guru ke atas respons pelajar (F). Menurut dua orang sarjana

tersebut, untuk menjadi 'betul' dalam bilik darjah, pelajar perlu memberi respons terhadap inisiasi guru dengan kandungan yang tepat, masa interaksi yang tepat serta konvensyen komunikasi yang tepat.

Kajian Greenleaf dan Freedman (2007) juga mendorong penyelidik agar tidak mengabaikan peranan pelajar yang dapat menyumbang kepada interaksi berkesan melalui respons atas inisiatif sendiri atau kepada inisiatif pengajar, seperti yang dinyatakan dalam sistem Flanders (1970).

2.4 Kesimpulan

Bab ini dibahagikan kepada dua bahagian. Konsep-konsep penting yang berkaitan dengan kajian ini dan kajian-kajian lepas tentang konsep pertanyaan berdasarkan teori LB berserta pemraktikan tanya-jawab dalam bilik darjah dibincangkan. Sorotan kepustakaan ini adalah rujukan penting kerana dapat membantu penyelidik mendalami lagi penganalisan data dari segi situasi pertuturan yang sebenarnya.

Meskipun tahap akademik dan asal responden dalam kajian adalah berbeza, dapatan kajian Seman (2006), Teo (2006) dan Zamzani (2007) memperlihatkan banyak persamaan. Antaranya, iaitu peranan pengajar lebih dominan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, aktiviti interaksi verbal berpusat kepada pengajar, interaksi verbal antara pengajar dan pelajar adalah terbatas dan pelajar lazimnya kurang inisiatif dalam bertanya atau memberi respons terhadap penyampaian pengajar.